

" KUGENGGAH A+ "

SEJARAH SPM

(2019)

(Skema)

SARAPA BIN ISMAIL
MRSM PENGGALAN CHEPA

TEMATIK

TEMATIK

TEMATIK

TEMATIK

TEMATIK

TEMATIK



KOLEKSI SOALAN OBJEKTIF

1. Menurut **pandangan Islam, konsep tamadun** memberi penekanan kepada pembangunan unsur-unsur tertentu.

Apakah unsur-unsur tersebut?

- A Bandar dan seni
- B Lahiriah dan falsafah
- C Lahiriah dan rohaniah**
- D Bandar dan budaya


2. Golongan **Helot** dalam kelas sosial masyarakat Sparta merujuk kepada

- A Pengusaha tanah**
- B Golongan hamba
- C Angkatan tentera
- D Ahli agama

3. Bagaimanakah strata petani dalam tamadun China boleh berubah menjadi sarjana?

- A Memiliki harta
- B Membayar cukai
- C Menerusi pendidikan**
- D Mengahwini bangsawan

4. Gambar 1 berkaitan dengan tamadun awal di China.



Apakah yang berkaitan dengan **tulang** tersebut?

- A Pengenalan sistem tulisan / ramalan / ritual keagamaan**
- B Peningkatan status masyarakat
- C Pengenalan sistem perundangan
- D Peralatan untuk berperang

5. Apakah peranan **golongan Brahmin** dalam kerajaan awal di Asia Tenggara ?

- A Menjaga keamanan negara
- B Mentadbir wilayah jajahan
- C Mengetuai upacara keagamaan**
- D Menguruskan perbendaharaan

6. Mengapakah **dua orang konsul** dilantikmengetuai pentadbiran dalam sistem Republik Rom?

- A Menyekat pengaruh gereja
- B *Mengimbangi kuasa pemerintah***
- C Memperkuuh kedudukan pemerintah
- D Mengelakkan penjajahan kuasa asing

7. Apakah faktor **kemajuan masyarakat Kerajaan Maritim** di Asia Tenggara?

- A Kekayaan hasil pertanian
- B Kekayaan hasil hutan
- C. *Kemahiran membina kapal***
- D Kebolehan membina terusan

8. Raja Indravarman I telah membina **baray** di Angkor Mengapakah baray tersebut dibina?

- A *Menjamin bekalan beras berterusan***
- B Mengawal suhu kawasan persekitaran
- C Mengelakkan serangan pihak musuh
- D Menanda sempadan sesebuah wilayah

9. Mengapakah institusi **baitulmal** diperkenalkan oleh Kesultanan Melayu Melaka ?

- A *Menguruskan harta kerajaan***
- B Mengendalikan adat istiadat istana
- C Menetapkan kadar cukai pedagang
- D Menentukan bidang tugas pembesar

10. Gambar 2 menunjukkan suasana penjualan surat pengampunan (indulgences) di Eropah pada abad ke -16



Mengapakah Martin Luther **menentang penjualan surat pengampunan** tersebut?

- A Menjeaskan kedudukan bangsawan
- B Menyekat perkembangan ekonomi
- C *Menggugat kesucian ajaran agama***
- D Menghalang kemajuan pendidikan

CONTOH SOALAN STRUKTUR DAN ESEI

PENINGKATAN TAMADUN : PERUNDANGAN

Peningkatan perundangan yang berlaku dalam Tamadun Rom telah membawa kepada perkembangan peradaban manusia

(a) Nyatakan **dua** cabang undang-undang Rom.

- i. Undang-undang sivil
- ii. Undang-undang rakyat
- iii. Undang -undang natural

(2 markah)

(b) Jelaskan prinsip undang-undang dalam Tamadun Rom

Prinsip undang – undang Rom adalah semua **manusia adalah sama di sisi undang – undang**. Selain itu, seseorang **tidak bersalah sehingga terbukti bersalah**. Seterusnya, undang – undang ini memberi **keadilan terhadap semua individu**. Dan akhir sekali, hukum adalah **berasaskan bukti yang kukuh**.

[4 markah]

(c) Mengapa undang-undang penting dalam kehidupan masyarakat hari ini?

Kaedah 1 (Analitik) – Fakta / Ayat Gramatis / Ayat Lengkap / Penanda Wacana

Undang undang penting kerana dapat **menjamin keselamatan masyarakat** yang berbilang kaum di negara kita, selain itu dapat **mengekalkan keharmonian hidup** bermasyarakat di negara ini, seterusnya, dapat **mempertahankan agama** daripada dicemari oleh musuh dari agama lain. Selain itu, dapat **memelihara akal dan kesempurnaan** manusia sejagat akhir sekali, dapat **menjaga status keturunan warisan** daripada dicemari oleh bangsa lain.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[4 markah]

Kaedah 2 (Holistik) – Fakta / Huraian / Contoh / Infrens

Undang undang penting kerana dapat **menjamin keselamatan masyarakat (f)** yang berbilang kaum di mana setiap kaum **sentiasa mematuhi undang – undang (h)** contohnya **menolak sebarang bentuk rasuah(c)** . **Selain itu**, dapat **mengekalkan keharmonian hidup(f)**dalam masyarakat dimana ahli masyarakat **sentiasa hidup bersatu padu(h)** contohnya amalan **bergotong royong / berkerjsama(c)**. Seterusnya, dapat **mempertahankan agama(f)** daripada dicemari dimana setiap kaum **mesti menghormati agama lain** seperti **tidak menghina amalan dan pegangan agama lain**.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[4 markah]

LATIHAN 1(TEMA 7 : BAB 2)

SENI BINA

2. Peningkatan dalam aspek seni bina menunjukkan kehebatan sesebuah negara

(a) Senaraikan dua seni bina yang terdapat dalam tamadun Yunani dan Rom

- Acropolis
- Aqueduct
- Colloseum
- Parthenon
- Pantheon

(2 markah)

(b) Mengapakah masyarakat tamadun awal mampu menghasilkan seni bina yang hebat?

- Mempunyai kepakaran dalam bidang senibina
- Masyarakat bersikap terbuka
- Berlaku pertukaran teknologi
- Sistem pendidikan yang menekankan bidang kejuruteraan dan seni bina
- Memiliki jurutera mahir
- Penggunaan ilmu matematik dan elemen geometri iaitu segi empat dan bulat
- Bersikap kreatif dan inovatif
- Masyarakat yang rajin berusaha
- Ketahanan manusia dalam tamadun awal menghadapi cabaran.
- Kepimpinan berwibawa dan kuat
- Pemimpin dapat menyatupadukan rakyat
- Pemimpin dapat meningkatkan jati diri rakyat
- Pemimpin meyakinkan bahawa usaha mereka akan berjaya
- Pengaruh agama dalam kehidupan
- Penggunaan tanah liat, batu bata dan tanah lumpur

(4 markah)

(c) Setiap binaan bangunan memberi manfaat kepada sesebuah negara hingga kini.

Jelaskan pernyataan tersebut

- Merupakan peninggalan warisan negara
- Mewariskan kepada generasi akan datang
- Mempergiatkan industri pelancongan
- Meningkatkan imej / identity / jati diri / keunikan negara di persada dunia
- Contohnya bangunan Sultan Abdul Samad memperlihatkan keindahan seni binanya melalui pengaruh Inggeris dan Islam.
- UNESCO mengisyiharkan sebagai warisan dunia yang perlu dipelihara
- Mempamerkan keunikan senibina tersendiri
- Mengenang sejarah sejarah penting penting yang berlaku
- Menginsafi perjuangan tokoh terdahulu/mengenang jasa/pengorbanan pejuang
- Memupuk semangat patriotik
- Menjadi sumber inspirasi kepada arkitek baru
- Jelaslah hal ini akan membuka mata masyarakat dunia untuk melancong dan melawat bangunan bersejarah di Malaysia.

LATIHAN 2 (TEMA 8 : BAB 8)

PERKEMBANGAN PERDAGANGAN / CUKAI

CADANGAN JAWAPAN

(a) Apakah faktor yang menyebabkan pelabuhan Melaka menjadi pusat perdagangan di Kepulauan Melayu ?

- Kedudukan yang strategik.
- Pentadbiran yang licin dan teratur.
- Undang-Undang Laut Melaka sebagai panduan dalam perdagangan.
- Sistem timbang dan sukat yang seragam.
- Penggunaan mata wang menggantikan sistem barter.
- Kemudahan di pelabuhan.
- Pelaksanaan sistem cukai yang seragam.
(Mana - mana jawapan munasabah)

[2markah]

(b) Bagaimanakah cukai berikut dilaksanakan di Melaka ?

(i) *Cukai Tetap*

- Dikenakan ke atas barang yang diimport.
- Jumlah cukai telah ditetapkan oleh pemerintah.
- Pedagang dari India, Ceylon, Tanah Arab, Siam dan Pegu – 6 peratus..
- Pedagang dari Jepun dan China – 5 peratus.
- Cukai dibayar sebelum urusan perniagaan dilakukan.
- Setelah cukai dibayar, urusan jual beli dapat dilakukan di bazar
- Beras dan barang makanan dikecualikan cukai.

[2markah]

(ii) *Cukai Diraja*

- Dikenakan ke atas orang asing yang menetap di Melaka.
- Orang asing dari Kepulauan Melayu – 3 peratus.
- Orang asing dari tempat lain – 6 peratus.

[2markah]

(e) Apakah sumbangan bidang perdagangan dalam meningkatkan kemajuan ekonomi negara kita ?

- Memberikan pendapatan kepada negara
- Menggalakkan pelaburan asing
- Menyebabkan berlakunya pengaliran dana dari luar negara
- Menyediakan peluang pekerjaan
- Menjadi pemangkin kepada perkembangan industri
- Menggalakkan masyarakat tempatan berdagang
- Mempercepatkan pembangunan infrastruktur
(Mana-mana jawapan munasabah)

[2markah]

LATIHAN 3 (TEMA 10 : BAB 2)

AKHBAR, MAJALAH DAN NOVEL : PENGERAK KESEDARAN KEBANGSAAN

Akhbar, majalah dan novel berperanan sebagai agen yang menyedarkan dan memajukan masyarakat pada tahun 1930-an dengan membangkitkan persoalan berkaitan sosial, ekonomi dan politik orang Melayu.

(a) Terangkan tema yang dibangkitkan dalam novel Melayu pada ketika itu.

- Semangat perjuangan menentang penjajah
- Menghargai sumbangan tokoh
- Sebagai inspirasi dan pedoman untuk semangat perjuangan bangsa
- Semangat menentang penjajah oleh anak muda tempatan
- Menghargai warisan bangsa sendiri
- Mencintai tanah air
- Menolak kesenangan demi maruah Bangsa
- Berasa bangga dengan kebolehan sendiri.
- Emansipasi @ kebebasan wanita dalam menentukan hala tuju kehidupan.

(3 markah)

(b) Mengapakah isu berkaitan ekonomi orang Melayu sering dibangkitkan dalam akhbar dan majalah pada tahun 1930-an?

- Menggalakkan orang Melayu menu buhkan syarikat.
- Meminta British mengurangkan kemasukan imigran.
- Menggalakkan orang Melayu bermiaga.
- Melarang orang Melayu menjual tanah mereka.
- Menyeru orang Melayu berjimat cermat.
- Meminta British adakan kampung khas Melayu di KL.

(3 markah)

(c) Nyatakan peranan akhbar dalam membangkitkan semangat nasionalisme.

- Menyebar maklumat mengenai kepentingan nasionalisme
- Memasukkan iklan yang meningkatkan semangat patriotisme
- Memaparkan cerita tentang perjuangan tokoh kemerdekaan
- Mempromosi kempen berkaitan keunikan Malaysia
- Menyiarkan rencana tentang kemerdekaan negara
- Memainkan lagu-lagu patriotik
- Menayangkan filem-filem bertemakan semangat cintakan negara
- Menganjurkan sesuatu pertandingan bertemakan semangat kebangsaan
- Menyediakan ruang bagi rakyat
(mana – man yang munasabah)

(4 markah)

LATIHAN 4(TEMA 11 : BAB 7)

JATA NEGARA



a. Nyatakan maksud yang terdapat pada lambang-lambang berikut:

- (i) Dua ekor harimau
• Dua ekor harimau membawa maksud keberanian (1 markah)
- (ii) Bulan sabit
• Bermaksud agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia (1 markah)
- (iii) Lima bilah keris
• Lima bilah keris melambangkan negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor
• Negeri tersebut dulunya dikenali sebagai Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu. (1 markah)

b. Bagaimanakah anda mengaplikasikan cogan kata ‘Bersekutu Bertambah Mutu’ demi kepentingan Negara

- Perpaduan membawa kekuatan
- Bersatu padu menjamin keharmonian negara
- Perpaduan pemungkin pembangunan
- Bersatu padu membentuk kesejahteraan hidup masyarakat
- Perpaduan menjamin keamanan
- Perpaduan menjamin kemajuan ekonomi
- Rakyat bersatu Negara maju
- Hidup bermasyarakat membawa berkat (*mana – mana yang munasabah*)

(3 markah)

d. Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kepentingan lambang negara kepada rakyat Malaysia


- Lambang kemegahan penduduk
- Lambang rasmi negara
- Identiti sesebuah negara
- Menjadi kebanggaan warga negara
- Simbol perpaduan rakyat
- Lambang kedaulatan negara
- Pemangkin semangat patriotik rakyat
- Menjamin kesetiaan rakyat kepada pemimpin
- Menjamin kepatuhan rakyat kepada agama (*mana - mana yang munasabah*)

(4 markah)

SOALAN ESEI DAN SKEMA JAWAPAN

TAMADUN MESIR PURBA (TEMA 7 : BAB 1)

1. peta 1 menunjukkan lokasi tamadun mesir purba.



- (a) Jelaskan proses pembentukan tamadun tersebut?

Tamadun mesir purba bermula dalam zaman logam sejak 5000 SM apabila manusia yang mendiami di tebing Sungai Nil telah mencapai tahap kebudayaan gangsa yang membolehkan mereka membina sistem perparitan dan pengairan untuk pertanian. Manusia yang mendiami lembah ini telah membina peralatan kawalan air dan terusan untuk tingkatkan kesuburan pertanian. Manusia melakukan ini kerana ingin mendirikan petempatan tetap yang berdasarkan pertanian.

Pertempatan disepanjang sungai nil ini telah berkembang menjadi kampung dan hasil gabungan kampung – kampung telah berkembang jadi bandaran kemudiannya bergabung bentuk daerah @ nome. Nome atau daerah disatukan jadi pusat pentadbiran. Salah satunya jadi pusat pentadbiran - Thebes, Thinis dan Memphis.

(4 markah)

- (b) Terangkan sumbangan masyarakat Mesir Purba hasil penguasaan mereka dalam Bidang Sains dan teknologi.

Antara sumbangan masyarakat Mesir Purba adalah dalam seni bina iaitu pembinaan piramid yang diilhamkan oleh Imhotep. Selain itu, orang mesir purba mencipta kertas daripada pokok papyrus yang banyak tumboh dilembah sungai nil. Seterusnya, tinggalan tamadun ini adalah sistem tulisan hieroglif.

Kerajaan ini juga, mewujudkan sistem pendidikan untuk kanak-kanak golongan atasan Sahaja sejak dari umur yang rendah lagi. Mesir purba juga maju dalam pencapaian ilmu perubatan terutama proses memumiakan mayat yang berkait rapat dengan kepercayaan masyarakatnya. Tahap kemahiran ilmu fizik, kimia dan pembedahan memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu sehingga hari ini.

Sumbangan seterusnya dalam sistem pengawalan aliran air banjir yang menjadi nadi kepada tamadun mesir purba. Pemerintah mesir juga berjaya membina sistem pengairan yang berjaya menukar bentuk muka bumi mesir purba.

(6 markah)

(c) i. Mengapakah sistem pendidikan dalam Tamadun Mesir Purba dianggap istimewa?

Pendidikan dalam Tamadun Mesir Purba dianggap istimewa kerana mewujudkan sistem pendidikan untuk kanak-kanak daripada kelas atasan. Pendidikan diberikan sejak dari umur yang rendah. institusi pendidikan diuruskan oleh rumah ibadat dan pentadbiran kerajaan. Penekanan terhadap pendidikan bertujuan untuk melahirkan para pegawai kerajaan terutamanya jurutulis yang sempurna dan terlatih. Antara ilmu yang diajar ialah ilmu geometri / matematik / sains bagi melahirkan golongan terlatih untuk menguruskan hal ehwal pertanian/pengawalan air sungai Nil serta pembinaan bangunan dan piramid.

(4 markah)

(c) ii. Sistem pendidikan di negara kita mampu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang gemilang dan terbilang. Adakah anda bersetuju? Beri alasan anda

Pendirian Ya/Tidak

Alasan :**Ya**

- menggunakan pendidikan abad 21
- mempunyai guru-guru yang berkepakaran
- mengaplikasi KBAT/KBKK
- mengaplikasi konsep kerja kursus/kajian kes (mana-mana munasabah)

Alasan :**Tidak**

- masih menggunakan kaedah berpusatkan guru
- kemudahan ICT tidak menyeluruh
- frasarana sekolah yang sudah lama (mana-mana munasabah)

(4 markah)

LATIHAN 5 (TEMA 7 : BAB 3)

KERAJAAN AGRARIA

(a) Apakah yang anda faham tentang kerajaan agraria?

- Terletak di kawasan pertanian yang subur
- Terletak di lembah sungai
- Terletak di kawasan pedalaman
- Kawasan berbukit
- Lereng tanah gunung berapi
- Menjalankan aktiviti pertanian
- Mengusahakan tanaman padi sebagai tanaman utama
- Padi sawah diusahakan di kawasan yang mendapat cukup bekalan air
- Padi huma ditanam di kawasan tanah tinggi/ bukit

[4 markah]

(b) Apakah sumbangan Tasik Tonle Sap kepada kerajaan Angkor?

- Tasik Tonle Sap membekalkan air minuman kepada penduduk Angkor
- Pada musim banjir, limpahan air dari Sungai Mekong akan mengalir ke Tasik Tonle Sap.
- Pada musim hujan, keluasan tasik ini menjadi 300.78 km persegi
- Pada musim kemarau, kawasan tasik ini menjadi subur
- Terdapat mendapan lumpur yang subur.
- Selain itu, tasik ini membekalkan sumber protein seperti ikan kepada penduduk sekitar.
- Air dari Tasik Tonle Sap dapat dialirkan ke kawasan penanaman padi
- Terdapat terusan dan sistem pengairan

[8 markah]

(c) Aktiviti pertanian dapat dikaitkan dengan perkembangan ekonomi dan kemajuan sesebuah negara. Buktikan

- Mampu menjana pendapatan yang lebih besar
- Bukan sekadar untuk keperluan diri sahaja
- Mengubah persepsi rakyat terhadap sektor pertanian
- Contohnya pertanian perlu diceburi oleh segenap lapisan umur
- Pengeluaran hasil pertanian pekebun yang melebihi keperluan diri dan keluarga boleh dipasarkan
- Dan memberi keuntungan kepada pengusaha
- Hasil pertanian dieksport ke luar negara
- Hasil pertanian dijadikan produk lain seperti makanan dalam tin

[8 markah]

LATIHAN 6(TEMA 8 : BAB 5)

PERJANJIAN HUDAIBIYAH

- (a) Ceritakan peristiwa penting yang membawa kepada berlakunya Perjanjian Hudaibiyah.
- Nabi Muhammad s.a.w. dan pengikutnya berhasrat kerjakan umrah di Makkah
 - Kota Makkah sangat penting kerana terdapatnya Kaabah – pusat ibadat orang Islam
 - Makkah juga tempat asal orang Muhajirin dan turunnya wahyu pertama
 - Kedatangan orang Islam menimbulkan syak kaum Quraisy tentang niat sebenar Islam
 - Kedatangan disekat Arab Quraisy di Hudaibiyah
 - Mereka merasakan tercabar dan bimbang dengan kekuatan orang Islam
 - Di Hudaibiyah, orang Islam cuba jelaskan tujuan kedatangan menerusi utusannya Uthman ibn Affan, malangnya tidak dihiraukan
 - Orang Islam mendapat khabar Uthman dibunuhi. Mereka berikrar dan bersumpah akan membela kematian Uthman
 - Orang Quraisy menghantar Suhail b Amru utk berunding
 - Rundingan dimaterai di Hudaibiyah
 - Dinamakan Pernjian Hudaibiyah, awalnya tidak diterima oleh sahabat nabi
 - Mereka menganggap perjanjian ini untungkan orang Quraisy
 - Sebaliknya banyak hikmat tersirat
 - Islam menyuruh umatnya bersepakat dan mencari kedamaian

[8markah]

- (b) Jelaskan kepentingan Perjanjian Hudaibiyah kepada umat Islam.

- pengiktirafan negara Islam Madinah
- Nabi Muhammad s.a.w. sebagai ketua negara
- Gencatan senjata selama 10 tahun beri peluang orang Islam berdakwah
- Pengaruh Islam semakin meluas
- Bilangan orang memeluk Islam bertambah
- Orang Islam berpeluang menunaikan haji pada tahun berikutnya, 629
- Kebebasan orang Islam memasuki Makkah dan beribadat
- Membolehkan Nabi Muhammad saw merangka program dakwah yg berkesan
- Orang Arab bebas menganut agama tanpa sebarang sekatan
- Islam tersebar dengan aman
- Ramai tertarik dengan Islam
- Menggambarkan ketokohan Nabi Muhammad saw sebagai pemimpin unggul
- Kedudukan umat Islam semakin kuat
- Menjadi perintis kpd pembukaan semula kota Makkah

[6markah]

- (c) Andaikan anda seorang pemimpin yang akan menandatangani perjanjian antara dua buah negara, apakah sikap yang patut diamalkan untuk menandatangani perjanjian tersebut?

- Kerjasama
- Permuafakatan
- Mementingkan perdamaian
- Memastikan kepentingan bersama
- Mengamalkan sikap toleransi
(mana-mana jawapan yang munasabah)

[6markah]

NASIONALISME DI ASIA TENGGARA(TEMA 10 : BAB 1)

Gerakan Nasionalisme di negara-negara Asia Tenggara terdapat perbezaan dari segi masa dan corak geraknya. walaubagaimanapun, pada keseluruhannya faktor kemunculan nasionalisme tersebut mempunyai persamaan.

(a)Terangkan faktor kemunculan semangat nasionalisme di Asia Tenggara.

Faktor kemunculan semangat nasionalisme di Asia Tenggara ialah dasar Penjajah yang telah menimbulkan perasaan tidak puashati rakyat kerana rakyat tempatan tiada peluang dalam birokrasi Barat. Rakyat masih kekal dalam ekonomi tradisional yang serba kekurangan. Malah dasar ekonomi penjajah menindas penduduk peribumi contohnya Sistem Tanaman Paksa dan Sistem Polo. Penjajah juga mewujudkan jurang sosial masyarakat dan beranggapan mereka berada dalam kelas tersendiri. Dasar keterbukaan penjajah membawa masuk imigran telah menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk tempatan kerana golongan imigran menguasai ekonomi tempatan.

Selain itu, pengaruh Agama jelas telah mencetuskan semangat nasionalisme kerana agama menyatukan rakyat tempatan menghadapi Barat. Agama digunakan untuk menghalang kebudayaan Barat dan agama Kristian, contohnya gerakan Islam di Tanah Melayu, Indonesia serta penubuhan Persatuan Belia Buddha di Burma. Golongan agama menjadi pencetus nasionalisme kerana agama Kristian menyatukan penduduk Filipina menentang Sepanyol kerana rakyat Filipina yang beragama Kristian dianggap golongan kelas kedua.

Karya Kesusasteraan

- Karya sastera memaparkan kesengsaraan masyarakat akibat penindasan penjajah.
- Karya sastera membangkitkan kesedaran rakyat.
- Karya sastera membangkitkan kecintaan kepada negara.
- Karya kesusasteraan menjadi inspirasi kepada rakyat.
- Contohnya Noli Me Tangere (Filipina), Kerikil,Kerikil Tajam dan Ke Makam Bonda (Indonesia), Putera Gunung Tahan (Tanah Melayu) dll.

Sistem Pendidikan

- Penjajah bersikap pilih kasih dalam pendidikan.
- Penjajah mengutamakan sekolah yang menggunakan pengantar bahasa penjajah.
- Mereka hanya menyediakan kemudahan pendidikan di sekolah tersebut sahaja.
- Penjajah hanya menyediakan pendidikan di peringkat rendah sahaja.
- Pendidikan terhad kepada golongan elit dan penduduk bandar sahaja.
- Pendidikan anak-anak bangsawan diasingkan daripada anak orang kebanyakan.
- Pendidikan sekular dan pendidikan mubaligh memberi ancaman kepada sekolah agama.
- Lepasan sekolah vernakular sukar mendapatkan pekerjaan.

Kemunculan Golongan Intelektual

- Golongan intelek berpendidikan Barat dan Asia Barat menjadi pencetus gerakan nasionalisme.
- Mereka terdedah kepada falsafah Barat dan Islam.
- Mereka menyedari bahawa pihak penjajah tidak mentadbir tanah jajahan dengan baik.
- Mereka memimpin gerakan nasionalisme apabila kembali ke tanah air.

- Mereka menuntut taraf hidup rakyat diperbaiki.
- Mereka memperjuangkan kemerdekaan tanah air

[6 markah]

(b) Terangkan perkembangan gerakan nasionalisme di negara Indonesia dan Burma.

Nasionalisme Di Indonesia

Nasionalisme di Indonesia tahap pertama dipelopori oleh Raden Adjeng Kartini yang mahu mengubah nasib rakyat melalui pendidikan. Beliau berusaha memajukan pendidikan kaum wanita. Beliau menyedarkan masyarakat melalui karyanya **seperti "Habis Gelap Terbitlah Terang"** dan **"Penulisan Seorang Puteri Jawa"**. **Pada tahap ini juga, beliau** mendedahkan kemunduran rakyat dan penindasan Belanda terhadap masyarakat Indonesia. Untuk memastikan perjuangannya berjaya, beliau berjuang melalui Pertubuhan Muhammadiyah yang bertujuan untuk menyebarkan Islam sebenar **dan berusaha** menghindari ancaman agama Kristian. **Pertubuhan** Muhammadiyah membina sekolah, klinik dan masjid.

Pada tahap Kedua, ianya dimulakan oleh Soekarno, Beliau menubuhkan Parti Nasional Indonesia (PNI). Parti politik radikal yang lain seperti Sarekat Islam (SI) dan Parti Komunis Indonesia (PKI) . Parti-parti politik ini menuntut kemerdekaan secara kekerasan. PNI pimpinan Soekarno mendapat sokongan rakyat. Dan parti tersebut berjaya mempengaruhi rakyat Indonesia. Walaubagaimana pun, Belanda menangkap pemimpin dan mengharamkan parti politik radikal.

[6 markah]

Nasionalisme di Burma

Tahap Pertama

- Gerakan tahap pertama dipelopori oleh sami Buddha
- Dan golongan elit berpendidikan Barat.
- Sami Buddha menubuhkan Persatuan Belia Buddha.
- Mahu mengekalkan tradisi Buddha
- Memajukan pendidikan rakyat Burma.
- Menggunakan isu kasut untuk membangkitkan semangat nasionalisme rakyat.
- Menubuhkan Majlis Persatuan Am Kesatuan-Kesatuan Burma yang lebih radikal.

Tahap Kedua

- Muncul apabila sami Buddha membantah Laporan Montagu-Chelsford yang menyatakan Burma belum bersedia untuk memerintah sendiri.
- Mereka menubuhkan Majlis Am Sangha Sametggi yang dipimpin oleh Saya San.
- Mereka mencetuskan pemberontakan.
- Pelajar lancarkan revolusi untuk menuntut sebuah universiti
- Pejuang kemerdekaan menubuhkan Liga Antipemisahan yang menentang pemisahan Burmadaripada India.
- Perlembagaan Burma diluluskan pada 1935 telah memberi peluang ke arah berkerajaan sendiri.
- Golongan Thakin menubuhkan Parti Dobama Asiayone untuk menuntut kemerdekaan.
- Dr. Ba Maw menang pilihan raya dan dilantik menjadi Perdana Menteri

[6 markah]

(c)(i) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah kuasa Barat menangani gerakan nasionalis radikal di Asia Tenggara ?

Kuasa Barat menangani gerakan nasionalis radikal di Asia Tenggara dengan cara menjatuhkan hukuman bunuh contohnya terhadap Jose Rizal dan Andres Bonifacio di Filipina / Nguyen Thai Hoc di IndoChina. Selain itu, menangkap dan memenjarakan pemimpin-pemimpin ini, seperti Emilio Aguinaldo di Filipina / Soekarno di Indonesia. Seterusnya, hanya membenarkan penubuhan parti politik bersifat sederhana sahaja contohnya kerajaan Amerika Syarikat membenarkan penubuhan parti politik sederhana di Filipina. Penjajah mengharamkan parti politik radikal seperti berlaku di Indonesia, Belanda haramkan Parti Nasional Indonesia.

- Melarang pemerintah tempatan terlibat dalam politik
Cth : Penjajah Perancis melarang Maharaja Bao Dai di Vietnam melibatkan diri dalam politik.
- Penjajah memberi peluang ke arah berkerajaan sendiri.
Cth; Meluluskan Perlembagaan Burma 1935 memberi peluang berkerajaan sendiri
Cth : Dr. Ba Maw memenangi pilihan raya dan dilantik menjadi Perdana Menteri Burma pertama.
Cth : Parti Nasional memenangi pilihan raya Filipina pada tahun 1907 menyebabkan Sergio Osmena mengetuai Dewan Perhimpunan.

[4 markah]

(ii) Sebagai pemimpin gerakan nasionalisme, nyatakan usaha yang akan anda lakukan untuk memastikan gerakan nasionalisme yang lebih berkesan ?

- Menyusun strategi yang terancang supaya gerakan lebih mantap
- Menggunakan media untuk sebarkan idea nasionalisme kepada rakyat
- Memilih pemimpin yang berilmu pengetahuan
- Membuat tuntutan secara toleransi untuk elak pertumpahan darah
(*Mana-mana jawapan munasabah*)

[4 markah]

LATIHAN 7 (TEMA 11 : BAB 5)

Pakatan Murni telah berjaya membawa kemerdekaan kepada negara.

a. Apakah yang dimaksudkan dengan pakatan murni?

- Usaha semua kaum di Tanah Melayu menghasilkan satu kerjasama.
- Tolak ansur politik.
- Melalui rundingan.
- Setiap kaum mempunyai tuntutan/masalah tersendiri.
- Jalan penyelesaian untuk menyatupadukan pelbagai kaum

(4 markah)

b. Huraikan peranan Dato' Onn Jaafar dalam usaha mewujudkan pakatan murni di Tanah Melayu sebelum merdeka.

- Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum/ JHAK/ CLC
- Orang melayu diketuai oleh Dato Onn bin Jaafar/ Orang Cina diketuai oleh Tan Cheng Lock
- Rundingan UMNO-CLC
- RIDA ditubuhkan / Kerakyatan negeri 1951 diperkenalkan / Pilihan raya diadakan pada masa yang sesuai
- Pembukaan keahlian UMNO kepada bukan melayu/ oleh Dato Onn Bin Jaafar
- Dikecam hebat oleh ahli UMNO/ Dato Onn meninggalkan UMNO
- Penubuhan Parti Kemerdekaan Malaya/ IMP oleh Dato Onn Bin Jaafar
- Terbuka kepada semua kaum yang mahukan kemerdekaan/ Gagal mendapatkan sokongan
- Persidangan Kebangsaan Ditubuhkan oleh Malcom Macdonald
- Tujuan mencapai kerjasama politik/ mewujudkan persefahaman politik
- Konvensyen Kebangsaan oleh Tunku Abdul Rahman
- Melibatkan UMNO dan MCA
- Kerjasama UMNO dan MCA dalam pilihan raya
- Memenangi pilihan raya pembandaran Kuala Lumpur/ pilihan raya pembandaran lain/ pilihan raya negeri/ pilihan raya majlis perundangan persekutuan
- Pembentukan Kabinet
- Diketuai oleh Tunku Abdul Rahman sebagai ketua menteri/ Terdiri daripada pelbagai kaum

(8 markah)

(c) Kerjasama dan toleransi pelbagai kaum adalah penting untuk diamalkan rakyat Malaysia.

Buktikan pernyataan ini.

- Menjamin kestabilan politik
- Meningkatkan kemajuan Negara
- Melincinkan pentadbiran
- Mengelakkan keharmonian kaum
- Mewujudkan perpaduan kaum
- Menjamin kemajuan ekonomi
- Mewujudkan peluang pekerjaan
- Melahirkan masyarakat berilmu
- Menarik pelaburan asing
- Menjadi tumpuan pelancong

(mana – mana yang munasabah)

(8 Markah)

LATIHAN 8 (TEMA 11 : BAB 8)

Rancangan Pembangunan Lima Tahun Tahap Kedua telah dilaksanakan di bawah Dasar Ekonomi Baru (1971-1990).

(a) Jelaskan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

- Menyelesaikan masalah ekonomi dan sosial antara kaum, kawasan dan wilayah
- Membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum
- Menambah pendapatan
- Menyediakan peluang pekerjaan
- Merapatkan jurang ekonomi
- Menyusun semula masyarakat
- Menghapus identiti kaum mengikut fungsi ekonomi
- Meneruskan program pembangunan kawasan luarbandar

(6 markah)

(b) Nyatakan kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

- Berjaya memajukan ekonomi negara
- Kemajuan dan pemodenan bidang pertanian
- Perkembangan perindustrian
- Perdagangan berkembang pesat
- Peningkatan pendapatan perkapita
- Kemajuan pengangkutan dan komunikasi
- Cth Pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan
- Penubuhan bandar terancang
- Cth Putrajaya/Cyberjaya
- Kemajuan dalam sistem pendidikan
- Pembangunan infrastruktur bertaraf dunia
- Cth Pembinaan Menara Berkembar dan litar Antarabangsa Sepang
- Peningkatan kaum bumiputera dalam bidang profesional
- Peningkatan perniagaan milik bumiputera
(Mana-mana jawapan munasabah)

(8 markah)

(c) Pada pendapat anda, bagaimanakah masalah kemiskinan masyarakat luarbandar dapat diatasi?

- Memberi kemahiran dalam bidang pertanian
- Menyediakan kursus jangka pendek dan bimbingan berterusan
- Contoh spt yang dijalankan oleh agensi seperti FELDA
- Bantuan pemasaran hasil pertanian
- Contohnya FAMA
- Galakan penyatuan mini ladang
- Supaya kerja menjadi lebih efektif dan ekonomik.
- Contohnya RISDA
- Membina sistem pengairan Agar semua tanaman mendatangkan hasil yang bertambah.
- Contoh Empangan Kemubu.
- Menggalakkan industri tempatan
- Contoh industri kecil dan sederhana (IKS)
- Memulihkan tanah terbiar
(Mana-mana jawapan munasabah)

(6 markah)

PENGGUBALAN DASAR LUAR MALAYSIA (TEMA 12 : BAB 9)

Penggubalan dasar luar Malaysia dipengaruhi beberapa faktor dan sentiasa berunag mengikut peredaran masa dan perkembangan dunia.

a. Terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi Dasar Luar Malaysia.

Sejarah

- Sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka telah terjalin hubungan dengan negara luar
- Seperti China, Arab, Siam dan negeri-negeri di Kepulauan Melayu.
- Hubungan ini berbentuk perdagangan.
- Terjalin hubungan Melayu serumpun di Kepulauan Melayu seperti Indonesia, Brunei, Singapura dan Malaysia.
- Setelah merdeka, Malaysia menyertai Komanwel dan meneruskan hubungan diplomatik dengan Britain, Australia dan New Zealand.
- Malaysia diancam oleh fahaman komunis yang disebarluaskan oleh Parti Komunis Malaya (PKM).
- Ancaman Komunis menggugat keamanan negara dan
- Mendorong Malaysia mengamalkan dasar pro-Barat dan anti komunis
- Malaysia masih bergantung kepada Barat kerana Malaysia belum mempunyai keupayaan pertahanan.

Ekonomi

- Mengamalkan pasaran bebas untuk memajukan ekonomi
- Mengharapkan pasaran luar
- Malaysia negara pengeluar bijih timah dan getah
- Bagi menggalakkan pelabur asing
- Dapat menyediakan peluang pekerjaan
- Dasar pandang ke timur
- Meningkatkan pasaran barang keluaran negara
- Dapat menjalinkan hubungan dengan negara membangun

Politik

- Malaysia mengamalkan demokrasi berparlimen berhak menentukan masa depannya sendiri berdasarkan keamanan sejagat.
- Malaysia menekankan pemeliharaan kedaulatan Negara-negara lain.
- Contohnya dasar Malaysia yang menyokong Palestin bagi mewujudkan keamanan di rantau Asia Barat.
- Berpegang teguh pada prinsip-prinsip PBB bagi memelihara keamanan dunia.

Geografi

- Kedudukan Malaysia yang strategik di Asia Tenggara
- Bersempadan dengan hampir dengan kebanyakan negara
- Seperti Singapura / Thailand / Indonesia / Filipina / Brunei.
- Perairannya menjadi laluan utama kapal-kapal perdagangan di dunia.
- Keselamatan serantau akan meninggalkan kesan terhadap keselamatan Malaysia.

b. Jelaskan Dasar Luar Malaysia semasa pentadbiran Tun Abdul Razak (1972-1976).

- Dasar berkecuali dan berbaik-baik dengan semua negara
- Disebabkan kurangnya peranan yang di mainkan oleh AMDA
- Kurangnya pengaruh Britain di Timur
- Pergolakan di Vietnam
- Melibatkan kuasa besar
- Iaitu Amerika dan China
- Untuk isytihar Zon Aman, Bebas dan Berkecuali / Zone of peace freedom and neutrality (ZOPFAN)
- Menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara berfahaman komunis
- Seperti China / Jerman Timur / Korea Utara / Vietnam Utara / Monggolia
- Atasi masalah pelarian

c. Mengapakah Dasar Luar Malaysia pada tahap pertama bersifat pro-barat?

- Ancaman komunis di negara-negara Asia Tenggara
- Ancaman Parti Komunis Malaya di dalam negara
- Bantuan pertahanan daripada Negara Komanwel
- Perjanjian Pertahanan Inggeris-Tanah Melayu / AMDA
- British memberikan bantuan kepada Malaysia sekiranya diserang
- Pergantungan kepada Britain dalam menjaga ekonomi negara
- Malaysia anggota Blok Sterling
- Menggunakan mata wang paun Sterling dalam perdagangan
- Mengharapkan permintaan barat dalam eksport getah dan bijih timah
- Pelabur Britain menguasai peratus besar dalam ekonomi Malaysia
- Mengurangkan pergantungan eksport hasil utama kepada Britain
- Malaysia mengamalkan perdagangan bebas
- Membina rangkaian perdagangan dengan negara-negara maju
- Amerika Syarikat, Jepun, Singapura dan Jerman Barat

d. Mengapakah dasar luar yang mementingkan kemajuan ekonomi lebih penting pada hari ini

- Perkembangan era globalisasi
- Pasaran barang dan modal merentas sempadan
- Kemajuan ekonomi penting untuk kestabilan negara
- Dapat menguatkan lagi pertahanan Negara
- Dapat melengkapkan angkatan tentera dengan drone dll
- Dapat menaikkan taraf hidup rakyat
- Negara boleh mencapai taraf status negara maju
- Penguasaan ekonomi cara baru untuk menguasai ekonomi negara lain
- Contoh kadar tukaran wang asing berbanding dollar Amerika
- Syarikat dan pound sterling Britain
- Mendapatkan sokongan rakyat kepada kerajaan
- Pemberian BRIM, bantuan / subsidi dan sebagainya
- Boleh bersaing dengan kuasa besar dunia yang lain
- Boleh menjadi kuasa besar dunia
(mana mana jawapan munasabah)